Datejust 31

Oyster, 31 mm, emas Everose

Oyster Perpetual Datejust 31 ini dalam emas Everose 18 karat mempunyai permukaan perak, dipasangkan dengan berlian dan rantai President.



PERMUKAAN PERAK

Satu teknik pembuatan jam tangan

Permukaan ini mempunyai berlian dalam tetapan emas 18 karat. Kemasan sinaran cahaya matahari menghasilkan pantulan cahaya yang halus pada kebanyakan permukaan dalam koleksi Oyster Perpetual. Kemasan ini digarap menerusi kemahiran teknik memberus yang menghasilkan alur yang memencar keluar dari tengah permukaan.

Cahaya meresap secara konsisten di sepanjang setiap ukiran, mewujudkan sinaran halus yang unik yang terhasil bergantung pada kedudukan pergelangan tangan. Setelah kemasan sinaran cahaya matahari selesai, warna permukaan diterapkan menggunakan Pemendapan Wap Fizikal atau pengelektrosaduran. Lapisan varnis yang nipis memberikan penampilan akhir pada permukaan.

BEZEL BERJEJALUR

Tanda pengenalan Rolex

Bezel berjejalur Rolex ialah lambang kelainan. Pada asalnya, jejalur bezel Oyster mempunyai tujuan fungsian: digunakan untuk memasang bezel pada penutup bagi memastikan jam tangan itu kalis air.

Oleh itu, jejalur ini sama dengan jejalur penutup belakang yang juga diskrukan pada penutup supaya kalis air dengan menggunakan alatan khusus Rolex. Lama-kelamaan, jejalur itu menjadi elemen estetik, satu ciri asli yang menjadi tanda

pengenalan Rolex. Kini, bezel berjejalur ialah satu tanda kelainan, dalam emas pada Datejust 31 ini.

EMAS EVEROSE 18 KARAT

Paten eksklusif

Untuk memelihara keanggunan jam tangan emas merah jambu, Rolex telah mencipta dan mempatenkan aloi emas merah jambu 18 karat yang dihasilkan di faundri sendiri: Emas Everose.

Diperkenalkan pada tahun 2005, emas Everose 18 karat digunakan di semua model Rolex Oyster dalam emas merah jambu.

RANTAI PRESIDENT

Kehalusan yang muktamad

Reka bentuk, pembangunan dan penghasilan rantai dan pengancing Rolex, serta ujian ketat yang dijalani, melibatkan teknologi tinggi termaju.

Tambahan pula, seperti semua komponen jam tangan, kawalan estetika oleh mata manusia menjamin kecantikan yang sempurna. Rantai President, dengan tiga keping sambungan separa bulat, telah dicipta pada tahun 1956 untuk pelancaran Oyster Perpetual Day-Date. Rantai ini

melambangkan kehalusan dan keselesaan yang muktamad serta sentiasa diperbuat daripada logam berharga yang dipilih dengan teliti.

Lagi butiran teknikal
Datejust

Rujukan 278275

Penutup Model

Jenis
Oyster, 31 mm, emas Everose

Diameter
31 mm

Bahan
Emas Everose

Bezel
Berjejalur

Seni Bina Oyster
Penutup tengah monoblok, penutup belakang diskrukan dan putaran jam

Putaran Jam
Diskrukan, sistem kalis air berganda Twinlock

Kristal
Nilam tahan calar, kanta Siklops di atas tarikh

Kekalisan Air
Kalis air hingga 100 meter / 330 kaki

Gerakan

Jenis
Perpetual, mekanikal, automatik

Kaliber
2236, Buatan Rolex

Ketepatan
-2/+2 saat/hari, selepas penutup dipasang

Pengayun
Pegas rambut Syloxi dalam silikon dengan geometri terpaten. Penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi

Pemutaran
Dwiarah automatik melalui rotor Perpetual

Rizab kuasa
Lebih kurang 55 jam

Fungsi
Jarum jam tengah, minit dan saat. Tarikh serta-merta dengan tetapan yang pantas. Penghentian jarum saat untuk tetapan masa yang tepat

Rantai

Jenis
President, pautan tiga keping separa bulat

Bahan Rantai
Emas Everose 18 karat

Pengancing
Crownclasp lipat terlindung

Permukaan

Jenis
Perak dipasangkan dengan berlian

Tatahan permata
Berlian dalam tatahan emas 18 karat

Pensijilan

Jenis
Kronometer Superlatif (COSC + pensijilan Rolex selepas penutup dipasang)

Terokai dan temui lebih lanjut di Rolex.com

Semua hak milik intelek seperti tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama dagang, reka bentuk dan hak cipta terpelihara.

Tiada apa-apa yang terkandung dalam laman web ini boleh diterbitkan tanpa kebenaran bertulis. Rolex berhak mengubah suai model yang dipaparkan pada laman web semasa pada setiap masa.

ROLEX